



MUSA AHMAD bersalaman serta mengucapkan tahniah kepada **Abdul Muiz Abdul Hakim** selepas memperoleh undian tertinggi bagi kerusi umum pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USIM bagi sesi 2014/2015 di Seremban, semalam. - **UTUSAN/FARABI SHEIKH SAID AL JABRI**

Abdul Muiz dapat undian tertinggi Pilihan Raya Kampus USIM

SEREMBAN 11 Nov. - Pelajar Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa, Abdul Muiz Abdul Hakim, 21, muncul penerima undian tertinggi bagi kerusi umum pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini bagi sesi 2014/2015.

Penuntut tahun tiga dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang itu diumumkan sebagai penerima undian tertinggi selepas memperoleh sebanyak 6,706 undi.

Abdul Muiz yang bercita-cita menjadi seorang peguam syarie berkata, kemenangan itu diharapkan akan mendapat sokongan daripada seluruh pelajar bagi menyelesaikan pelbagai isu khususnya dalam aspek kebajikan mereka.

"Saya akan memperkenalkan gagasan berkeadilan universiti. Antara objektif gagasan ini adalah menjaga kebajikan setiap pelajar selain memelihara hubungan baik pelajar dengan pihak pentadbiran," ujarnya yang berasal dari Simpang Pulai, Perak.

Sementara itu, seorang lagi pelajar daripada Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Nurul Atikah Mohammad Shafii, 21, menerima undian 6,528 undi berhasrat memantapkan aspek kepimpinan dan keilmuan mahasiswi USIM ke peringkat tertinggi.

Dia yang menuntut dalam bidang Sarjana Muda Kaunseling bercita-cita melihat kepimpinan dan keilmuan mahasiswi dapat disumbangkan di peringkat universiti serta masyarakat di luar kampus.

"Pada masa yang sama, saya juga mahu membuktikan kepimpinan mahasiswi juga hebat," kata penuntut kelahiran Pasir Gudang, Johor.

Keputusan pemilihan itu diumumkan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Musa ketika ditemui memberitahu, secara keseluruhannya perjalanan kempen dan proses pengundian pemilihan MPP berlangsung secara aman kerana setiap calon bertanding atas tiket individu.

USIM melarang calon bertanding atas tiket kumpulan sekali gus tidak membabitkan kumpulan proaspirasi atau promahasiswa.

Seramai 7,372 daripada 9,773 mahasiswa mengundi seawal pukul 9 pagi hingga pukul 5 petang.

Bagaimanapun, peratusan keluar mengundi menurun pada tahun ini iaitu sekitar 75.43 peratus berbanding 79.93 peratus pada tahun lalu.

Menurut Musa, seramai 13 calon bertanding merebut lapan kerusi umum manakala 21 calon pula merebut 16 kerusi di lapan fakulti.

"Kerusi fakulti yang bertanding adalah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat serta Fakulti Syariah dan Undang-Undang," katanya.

Sementara itu, seramai 10 calon di Fakulti Perubatan dan Sains Perubatan, Fakulti Pergigian; Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pengajian Quran dan Sunah serta Fakulti Pengajian Bahasa Utama menang tanpa bertanding.